



GARIS PANDUAN

KEMPEN GO GREEN - KE ARAH BUMI HIJAU TANPA
BEG PLASTIK DI FARMASI



1. PENGENALAN

Bilangan beg plastik yang digunakan oleh pesakit adalah bergantung kepada kuantiti ubat-ubat yang diperolehi. Penggunaan beg plastik secara besar-besaran di semua institusi KKM telah mengakibatkan sebahagian peruntukan terpaksa disediakan untuk pembelian beg plastik ini di mana untuk tahun 2010 sahaja, pihak farmasi telah membelanjakan melebihi RM 1 juta bagi membeli beg plastik. Oleh yang demikian, secara tidak langsung semua institusi KKM telah menjadi sebahagian daripada penyumbang kepada pencemaran beg plastik atau dikenali sebagai pencemaran putih (*white pollution*) yang semakin serius pada hari ini.

Memandangkan pencemaran beg plastik ini boleh menjejaskan kualiti alam sekitar dan kesihatan rakyat Malaysia secara amnya, Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM mula mengambil langkah mengurangkan penggunaan beg plastik di semua farmasi di institusi KKM.

Melalui kempen "Ke Arah Bumi Hijau – Tanpa Beg Plastik Di Farmasi", bekalan beg plastik perlu di *phase out* dan pesakit digalakkan untuk membawa beg sendiri. Pihak farmasi juga boleh memberikan alternatif kepada beg plastik mengikut kemampuan fasiliti masing-masing bagi pesakit yang masih memerlukan bag. Budi bicara pengurusan serta semua anggota di fasiliti farmasi menangani isu-isu pelanggan yang mungkin berbangkit adalah amat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kempen ini.

2. OBJEKTIF

2.1- Umum

i- untuk mengurangkan dan seterusnya memansuhkan pemberian beg plastik di semua fasiliti farmasi KKM.

2.2 - Khusus

- i- Meningkatkan kesedaran pengguna terhadap pemeliharaan / pemuliharaan alam sekitar dengan pengurangan penggunaan beg plastik.
- ii- Menyokong usaha kerajaan ke arah menyelamatkan alam sekitar.
- iii- Memelihara dan menjamin tahap kesihatan rakyat Malaysia.

3. TEMA

Tema kempen ini adalah "**Ke Arah Bumi Hijau – Tanpa Beg Plastik Di Farmasi**". Tema ini menekankan tentang peranan, tanggungjawab serta sumbangan pihak farmasi, hospital, KKM dan masyarakat secara umum dalam memelihara alam sekitar.

4. KAEDAH PERLAKSANAAN

Program ini dijalankan di semua fasiliti Farmasi Hospital dan Kesihatan KKM yang dikendalikan oleh anggota Farmasi. Anggota Farmasi bertanggungjawab untuk mempromosikan Kempen *Go Green*- Tanpa Beg Plastik di Farmasi ini kepada pesakit serta mendidik mereka tentang penggunaan beg plastik.

Peringkat pertama akan bermula dalam bulan Disember 2011 di mana promosi pendidikan akan dilakukan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan pesakit tentang kempen ini. Poster/notis, bunting program dan paparan digital akan digunakan untuk tujuan promosi. Disamping itu juga, anggota farmasi yang mendispen akan memberitahu pesakit tentang ketiadaan beg plastik dan menasihatkan/ mengalakkan mereka untuk membawa beg sendiri pada masa akan datang. Fasiliti yang masih mempunyai banyak stok beg boleh memberi beg tetapi hanya kepada pesakit yang memerlukan sehingga stok dihabiskan.

Perlaksanaan " Ke Arah Bumi Hijau – Tanpa Beg Plastik Di Farmasi" akan dilaksanakan sepenuhnya bermula dari **1 Januari 2012**. Para pesakit tidak akan diberikan beg plastik untuk ubat-ubatan mereka, sebaliknya mereka digalakkan untuk membawa beg masing-masing. Budi bicara anggota farmasi diperlukan di sini dalam menentukan pesakit yang perlu dibekalkan dengan beg bagi kes-kes yang tertentu.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF), KKM akan menjalankan pemantauan bagi mengenalpasti impak daripada kempen tersebut dari semasa ke semasa dan fasiliti terlibat akan diminta untuk memberikan maklumbalas tersebut.

4.1 Keperluan yang perlu ada

4.1.1 Peralatan

- Poster/ bunting/ notis hebahan melalui papan elektronik untuk mempromosikan Kempen Farmasi Tanpa Beg Plastik

4.1.2 Beg/bekas alternatif

- Beg dari bahan kitar semula (*recycle bag*)
- Beg plastik yang diguna semula (*re-usable bag*)
- Beg kain canvas (*non woven bag*)
- Kotak ubat bersaiz sesuai yang boleh digunakan semula (*re-use packaging box*)
- Gelang getah (*rubber band*)

5. PROSEDUR

5.1 Prosedur dalam mempromosikan Kempen *Go Green* - Farmasi Tanpa Beg Plastik

5.1.1 Anggota farmasi perlu memberitahu setiap pesakit yang berurusan di kaunter farmasi tentang kempen serta tarikh berkuatkuasa tanpa beg plastik di fasiliti masing-masing semasa proses pendispensan dan menasihatkan mereka untuk membawa beg sendiri.

5.1.2 Bagi fasiliti yang masih mempunyai stok beg plastik, adalah digalakkan untuk menyimpan stok hanya untuk pesakit yang memerlukan sehingga stok dihabiskan bagi mengelakkan pembaziran. Namun, pesakit perlu diingatkan tentang ketiadaan beg selepas ini dan dinasihatkan untuk membawa beg sendiri.

5.2 Prosedur pemberian beg kepada pesakit

5.2.1 Pesakit dimaklumkan terlebih dahulu bahawa beg plastik tidak akan diberi lagi apabila kempen ini dikuatkuasa serta menasihatkan pesakit untuk membawa beg sendiri.

5.2.2 Anggota farmasi perlu bertanya tentang beg pesakit sendiri sebelum membekalkan beg/bekas alternatif.

5.2.3 Pesakit dalam kategori berikut (jika mereka tidak membawa beg) boleh dipertimbangkan atas budi bicara anggota farmasi dan perlu berkomunikasi secara professional. Namun mereka perlu diingatkan tentang kempen yang sedang dijalankan. Pesakit tersebut adalah:

- Yang pertama kali berurusan di kaunter anda
- Yang mendapat ubat melebihi 5 item
- Yang mendapat ubat cecair/ krim/ losyen dalam kuantiti yang banyak
- Warga emas/ Orang kurang upaya/ ibu mengandung & kanak-kanak

CARTA ALIR PROSES KEMPEN *GO GREEN*- TANPA BEG PLASTIK DI FARMASI

